

**Perkecil Ilmu Agama Pemimpin Pas: Anwar Disifat Sesumpah Politik  
Bernama  
21 Februari, 2013**

MELAKA, 21 Feb (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Idris Haron menyifatkan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai sesumpah politik yang boleh menukar wajahnya pada bila-bila masa.

Beliau berkata tindakan Anwar yang memperkecil ilmu agama Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat jelas membuktikan ketua pembangkang itu sanggup melakukan apa sahaja bagi meraih sokongan.

"Asalkan ada sokongan, di depan orang Cina dia (Anwar) cakap lain, depan orang India cakap lain dan depan orang Melayu cakap lain...ini kerana dia hendak populariti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penutup mesyuarat Plenari Asea Uninet kali ke-13 di sini, Khamis.

Anggota Parlimen Tangga Batu itu berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar berbahasa Inggeris, The Star yang menyiarkan ucapan Anwar didakwa memperkecil ilmu agama Abdul Hadi dan Nik Abdul Aziz berhubung kontroversi isu penggunaan kalimah Allah dalam Bible versi bahasa Melayu.

Menerusi rakaman video dipercayai ketika berucap di hadapan komuniti bukan Islam di Sabah baru-baru ini Anwar dengan jelas berkata: "Nik Aziz no longer understands Islam. Hadi Awang too. He just follows" (Nik Aziz tidak lagi faham Islam. Hadi juga. Dia hanya mengikut)

Idris berkata tindakan Anwar yang kemudian menyalahkan Umno dalam perkara itu seolah-olah mencari kambing hitam bagi menutup kesalahannya.

"Dia (Anwar) kata yang menjadi dalang isu tersebut ialah Umno kerana Umno didakwa memperbesar-besarkan kenyataan itu sedangkan ia keluar dari mulutnya sendiri di hadapan ribuan orang yang mendengar," katanya.

Justeru katanya rakyat perlu menilai pemimpin yang layak menerajui negara dan mampu mengangkat taraf hidup mereka.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=929459>